



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/3/2013

Segala dicapai berkat doa, sokongan rakyat - PM

# Agenda transformasi berjaya

UM-23/3/2013

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

**PULAU PINANG** 22 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, segala yang dirancang oleh kerajaan untuk negara terutamanya agenda transformasi negara telah membuahkan kejayaan, berkat daripada doa dan sokongan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, beliau juga gembira kerana pelbagai program transformasi yang dilaksanakan turut diterima baik oleh rakyat.

"Berkat doa rakyat, program transformasi yang dilakukan untuk membela nasib mereka berjaya dilakukan.

"Insya-Allah jika mendapat mandat, kita akan laksanakan apa yang diimpikan," ujarnya semasa ditemuramah oleh penyampai Azmir Aziz dari stesen radio Pi Mai.fm yang disiarkan selama sejam bermula pukul 5 petang hari ini.

Beliau turut berpesan kepada rakyat di negeri ini supaya melakukan perubahan demi masa depan yang lebih baik dan terjamin.

Perdana Menteri juga memberikan kata-kata semangat kepada pendengar stesen radio swasta berkenaan secara spontan dengan melancarkan perkataan 'Haria Penang Haria' yang merupakan slogan pasukan bola sepak Pulau Pinang.

Stesen radio yang beroperasi sejak lapan bulan lalu itu boleh didengar di frekuensi 90.2 mem-

**Sehubungan itu rakyat Malaysia perlu menyokong pasukan keselamatan serta usaha-usaha yang dilakukan untuk menjamin keselamatan, kedaulatan dan integriti wilayah negara**

NAJIB TUN RAZAK  
Perdana Menteri

babitkan pendengar di Pulau Pinang, utara Perak dan selatan Kedah dengan tagline 'Lagu Mana Pun Untuk Hampa'.

Dalam sesi temu bual itu, Perdana Menteri turut ditanya beberapa soalan berbentuk santai yang selama ini jarang diketahui oleh rakyat.

Antaranya, Najib yang dikenali sebagai penyokong kuat pasukan bola sepak Harimau Malaya mendedahkan, beliau pernah bercita-cita untuk menjadi ahli sukan dan melibatkan diri dengan permainan golf dan bola sepak.

"Bagaimanapun itu tidak menjadi kenyataan dan hanya cita-cita semasa kecil," katanya.

Dalam temu bual itu juga, Najib memberitahu, beliau sebenarnya suka memandu tetapi jarang mendapat peluang berbuat demikian.

"Kali terakhir saya memandu ialah dua minggu lepas ketika membawa keluarga makan malam di Hotel Majestic di Kuala Lumpur," katanya.

Ditanya tip penjagaan kesihatan

pula, Perdana Menteri mengakui beliau seorang yang suka makan tetapi terpaksa mengawalinya kerana berat badan mudah naik.

"Sebab itu, saya bersenam di gimnasium sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dan sekarang ini sudah berjaya menghilangkan lemak dan diganti dengan otot.

"Bagaimanapun, disebabkan kesibukan kadangkala saya tidak berkesempatan pergi ke sana," jelasnya.

Ditanya tentang dirinya yang kelihatan muda, Najib memberitahu, beliau perlu belajar menangani tekanan dengan baik.

"Rambut saya sudah beruban tetapi saya amalkan gaya hidup seimbang dan jika tahu uruskan tekanan, kita akan menjadi muda," katanya.

Najib turut mendedahkan, beliau akan memastikan tidur yang cukup antara lima hingga enam jam sehari, di samping meminum Milo panas sebelum tidur.

"Saya juga gemar menonton berita tengah malam untuk me-

ngetahui apa yang berlaku di seluruh dunia, selain gemar menonton saluran sejarah.

"Selain itu, jika ada masa, saya gemar menyaksikan persembahan muzikal dan komedi. Dahulu saya sering berkunjung ke Hotel Regent untuk menyaksikan persembahan tetapi sekarang sudah tiada lagi," katanya.

Najib turut ditanya sama ada beliau seorang suami yang romantik terhadap isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

"Kami saling bertukar pandangan dalam aspek penampilan. Biasanya isteri saya memberikan nasihat tentang penampilan saya dan memilih pakaian yang sesuai kerana beliau mempunyai cita rasa yang bagus.

"Begitu juga kalau isteri tanya saya pasal penampilannya, saya akan beri pandangan," jelasnya.

Najib turut berkongsi tip dengan pendengar bahawa seseorang isteri suka jika suami mereka yang bertugas di luar kawasan menghubungi mereka memberitahu keadaan di tempat yang dilawatinya.

"Biasanya kalau saya pergi luar daerah dan isteri tidak turut serta, saya akan hubunginya sekurang-kurangnya sekali untuk cerita tentang program dan sambutan yang diterima," katanya.

Ditanya apa yang mungkin dilakukannya jika tidak menjadi Perdana Menteri, Najib berkata, beliau tidak dapat membayangkan per-

kara itu kerana telah terlibat dengan politik sejak berusia 22 tahun.

"Dahulunya, saya bercadang hendak buat Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan jika ada peluang baharu hendak terlibat dengan politik. Bagaimanapun selepas kematian ayahanda, saya terus terlibat dengan politik sehingga ke hari ini," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau berminat mempelajari bahasa asing, namun kekeangan masa sering kali menghalang niatnya.

"Ketika belajar di United Kingdom lebih 30 tahun lalu, saya pernah belajar bahasa Perancis tetapi disebabkan sudah lama, saya sudah lupa," katanya.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, ketika ditemu bual stesen radio UFM dalam segmen yang ke udara selama dua jam bermula pukul 7 pagi ini, Perdana Menteri menegaskan, integriti wilayah Malaysia mesti dipertahankan dalam apa jua keadaan dan Sabah tetap hak mutlak Malaysia.

"Sehubungan itu rakyat Malaysia perlu menyokong pasukan keselamatan serta usaha-usaha yang dilakukan untuk menjamin keselamatan, kedaulatan dan integriti wilayah negara," katanya dalam segmen "Bersama Perdana Menteri" yang dikendalikan deejay Jimmy Shanley dan Tyzo.

Siaran radio itu hanya boleh diikuti sekitar Lembah Klang menerusi frekuensi 101.3 FM.